



Rujukan : Al-Iman/TSG/2026 (08)

Tarikh : 2 April 2026

KEPADA PIHAK YANG BERKENAAN

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

PERMOHONAN SUMBANGAN KORPORAT DAN INDIVIDU BAGI PEMBINAAN SEMULA MADRASAH AL IMAN, FASA 7 TAMAN SERI GOMBAK

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Untuk makluman YBhg. Dato'/Tuan/Puan, Madrasah Al Iman Fasa 7 adalah sebuah surau di bawah kariah Masjid Al Khairiyah, Taman Seri Gombak yang berdaftar di bawah Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS). Ianya ditubuhkan sejak tahun 1995 hasil sumbangan masyarakat sekitar di Fasa 7, Taman Seri Gombak. Keadaan semasa Madrasah Al Iman pada masa ini agak lama dan sempit untuk menampung bilangan jemaah terutama di bulan Ramadhan dan sambutan Hari Raya dan kebesaran Islam. Disamping itu, Madrasah ini juga merupakan pusat kegiatan pelajar sekolah KAFA seramai 200 orang pelajar bagi sesi pagi dan petang.

3. Pada 25hb Julai 2024, Kerajaan Selangor telah menerbitkan pewartaan yang merizabkan tanah Madrasah Al Iman sebagai Pelan Akui (PA) dan ditadbir di bawah Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) dengan tandaan Lot 90108 berkeluasan 3217 meter persegi.

4. Pihak perunding arkitek menganggarkan kos bagi perobohan dan pembinaan semula adalah sekitar RM 3.1 juta. Kos pembinaan adalah RM 2.4 juta manakala RM 700,000.00 bagi kos lain seperti kos fi perunding, kos pembayaran kepada PBT, cagaran, caruman dan lain-lain.

5. Oleh yang demikian, bagi memulakan kerja ini, saya mewakili barisan Jawatankuasa dan jemaah ingin membuat permohonan kepada YBhg Dato'/Tuan/Puan bagi sumbangan korporat dan juga individu bagi tujuan pembinaan semula Madrasah Al Iman, Fasa 7 Taman Seri Gombak.


6. Sumbangan yang dibuat akan dijadikan wakaf khas tunai di bawah kelolaan Perbadanan Wakaf Selangor (PWS). **Sumbangan korporat atau individu yang dibuat akan mendapat pelepasan cukai (*tax exempted*) dari Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).** Resit rasmi dari Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) akan ditandatangani oleh pegawai Madrasah yang diberi kuasa oleh PWS untuk menguruskan wakaf tunai ini.

Bagi pihak Jemaah Madrasah Al-Iman, kami amat mengharapkan sumbangan korporat atau individu agar satu Madrasah baru dapat dibangunkan bagi menggantikan surau sedia ada yang telah lama.

Jazakumullahu khairal jazak,

“MADRASAH AL-IMAN SENTIASA DI HATI”

Yang menjalankan amanah,



PROF. ADJUNG Ir. Ts. Dr. HJ. MOHD KHAIROLDEN BIN HJ. GHANI

Pengerusi

Tel : 013-341 4908

Emel : khairolden@gmail.com

No. Akaun Madrasah Al Iman Maybank Islamic 5642 2121 6689
--

**JAWATANKUASA INDUK PEMBANGUNAN SEMULA MADRASAH AL-IMAN
FASA 7 TAMAN SERI GOMBAK**

Penasihat	:	Ir. Ts. Dr. Hj. Mohd Khairolden B Hj. Ghani <i>Profesor Adjung</i> (013-341 4908)
Pengarah Projek	:	Tuan Hj. Ahmad Bin Daud (012-396 2391)
Timbalan Pengarah	:	Ustaz Mohd Hairizan Che Lah (013-201 0840)
Setiausaha	:	Datin Hjh Rohana Mustaffa (012-565 3841)
Bendahari	:	Tuan Hj. Ahmad Ab. Hamid <i>c.A (M)</i> (019-388 9840)